ISTANA BUDAYA

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN
DAN PELANCONGAN MALAYSIA

mempersembahkan

Teater Muzika Kanak-kanak

# Siti di Alam Fantasi



skrip & arahan

**AMINAH RAPHOR**



# kata-kata aluan/foreward

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MINISTER OF CULTURE, ARTS AND TOURISM
**Merangkap** *Penaung Pementasan Teater Kanak-kanak SITI DI ALAM FANTASI*
**Patron of** ***SITI IN A FANTASY WORLD***



**Generasi yang seimbang dan menyeluruh hanya dapat dibentuk melalui pengalaman dan peluang pendedahan yang sebenar. Pementasan SITI DI ALAM FANTASI merupakan usaha Istana Budaya khasnya dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia amnya untuk memberi peluang pendedahan tersebut kepada golongan kanak-kanak dan para remaja. Pementasan ini memberi ruang dan peluang kepada mereka yang terlibat menimba pengalaman dan seterusnya membuktikan keupayaan dan kecemerlangan, juga sebagai persediaan ke alam dewasa.**

Pihak Kementerian mengiktiraf peranan kanak-kanak dan remaja di dalam pembangunan teater jangka panjang di Malaysia. Disamping itu teater kanak-kanak seperti ini merupakan satu saluran untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak.

Tahniah kepada semua yang menjayakan teater ini, khususnya anak-anak dan ibu bapa yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**A well-balanced and versatile generation is developed through real experience and exposure. The staging of SITI IN A FANTASY WORLD represents the efforts made by Istana Budaya and the Ministry of Culture, Arts and Tourism to give the exposure to the children and the youth. It also provides the space and opportunity to yield the experience and to test their ability in striving for excellence - a pre-adolescence preparation. The Ministry recognizes the role of children and youth in the long-term development of theatre in Malaysia. The children's theatre also provide the medium to cultivate values amongst children.**

Congratulations to all involved in the production, especially to the young talents and their parents.

Thank you.

**DATO' ABDUL KADIR BIN HJ. SHEIKH FADZIR**



SITI di ALAM FANTASI

# kata-kata aluan/foreward

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
SECRETARY-GENERAL, MINISTRY OF CULTURE, ARTS & TOURISM
**Merangkap** *Penasihat I Pementasan Teater Kanak-kanak SITI DI ALAM FANTASI*
**Advisor I to** *SITI IN A FANTASY WORLD*



**Alam kanak-kanak bukanlah sesenang dunia untuk diselami dan dijelmakan dalam bentuk seni persembahan. Cara terbaik adalah menangani isu yang sesuai dengan emosi dan imaginasi anak-anak. SITI DI ALAM FANTASI bukanlah sebuah teater yang mengajak anak-anak kepada alam yang tidak wujud tetapi adalah sesuatu yang "sebaliknya". Dalam erti kata lain, SITI DI ALAM FANTASI mendidik anak-anak mengenal erti manusia dan kemanusiaan serta nilai dan perbezaan di antara buruk dan baik.**

Pelbagai usaha dilaksanakan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat dengan bidang kesenian. Golongan kanak-kanak tidak dilupakan. Sebagai generasi pemimpin di masa hadapan, adalah menjadi sesuatu yang amat penting untuk kanak-kanak ini disemai dengan nilai yang baik. Golongan ini juga harus didedahkan dan dibiasakan untuk berfikir secara kreatif dan produktif.

Semoga SITI DI ALAM FANTASI mencapai matlamat pementasannya dan semoga pementasan ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak pementasan seumpamanya, khususnya di sekolah-sekolah.

Selamat menonton.

**It is not an easy task to interprete children's imagination into a performance on stage. The best way is to present issues with a child's emotion and imagination in mind.**

SITI IN A FANTASY WORLD presents reality in a fantasy setting. In other words, SITI IN A FANTASY WORLD educates the children on the meaning of man and humanity and inculcates the values and the difference between good and evil.

Tremendous efforts have been carried out to encourage the involvement of children in the arts. As future leaders, it is most important to cultivate them with good values and to provide them with exposures that encourages creative and productive thinking.

It is hoped that SITI IN A FANTASY WORLD achieves its objectives and becomes the catalyst in development and productions of many more performances of its kind, especially in schools.

Thank you.

**DATO' TENGKU ALAUDIN BIN TENGKU ABD MAJID**



# kata-kata aluan/foreward

## PENGARAH ISTANA BUDAYA
## DIRECTOR OF ISTANA BUDAYA

**Merangkap** *Penerbit Pementasan Teater Kanak-kanak SITI DI ALAM FANTASI*
**Producer of *SITI IN A FANTASY WORLD***



**Bermula dengan DEWI BUNGA, teater kanak-kanak mula mengisi ruang di dalam program pementasan teater di Malaysia khususnya yang diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia melalui Panggung Negara/Istana Budaya. Hampir setiap tahun teater kanak-kanak dipentaskan sama ada oleh Istana Budaya, institusi pengajian tinggi ataupun badan/persatuan teater tanahair. Ianya menjadi keperluan di dalam memenuhi tuntutan khalayak teater dan melengkapkan usaha pembangunan teater di Malaysia.**

Pementasan SITI DI ALAM FANTASI merupakan pementasan ulangan. Teater ini pernah dipentaskan di MATIC pada tahun 1998. Sambutan yang diberikan untuk pementasan berkenaan adalah diluar dugaan, sekaligus mencerminkan keperluan untuk mementaskan lebih banyak teater kanak-kanak untuk kanak-kanak. Justeru itu SITI DI ALAM FANTASI dipentaskan di Istana Budaya dengan pengubahsuaian kepada skrip dan juga olahan dan persembahan yang disesuaikan dengan suasana dan kekuatan teknologi pentas Istana Budaya.

SITI DI ALAM FANTASI membuktikan disiplin, kesungguhan dan iltizam yang dipupuk melalui penglibatan kanak-kanak secara langsung di dalam bidang seni mahupun melalui penyerapan mesej yang disampaikan melalui lakon dan jalan cerita, memberikan sumbangan yang nyata dan positif terhadap pembentukan insan yang serba boleh dan cemerlang.

Istana Budaya akan sentiasa terus berusaha mementaskan lebih banyak teater kanak-kanak sebagai usaha untuk memperlengkapkan strategi ke arah pembangunan teater tanahair.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat.

**Starting with DEWI BUNGA, children's theatre began to emerge especially in productions produced by the Ministry of Culture, Arts and Tourism. Almost every year, children's theatre is being produced either by Istana Budaya, institutions of higher learning or other theatre companies. Eventually, children's theatre became an important entity in fulfilling the needs of arts enthusiasts and in developing theatre in Malaysia.**

SITI IN A FANTASY WORLD was first staged at MATIC in 1998. The play received an overwhelming response by the public, reflecting the need of producing many more children's theatre. Hence, SITI IN A FANTASY WORLD takes center stage at Istana Budaya this year with some script modifications, improvement and adaptations.

SITI IN A FANTASY WORLD represents the Ministry's endeavour in cultivating discipline, commitment and vision through the direct involvement of children in the arts and in conveying important messages through acting and appropriate story line. It contributes positively towards developing versatile and excellent individuals.

Istana Budaya will continue its efforts to produce many more children's theatre.

My heartiest gratitude and appreciation to all involved.

**NORLIZA ROFLI**

# kata-kata aluan/foreward

PENGARAH/PENULIS SKRIP SITI DI ALAM FANTASI
DIRECTOR/SCRIPTWRITER SITI IN A FANTASY WORLD



**Mementaskan *"SITI DI ALAM FANTASI"* sebenarnya menuntut penilaian semula kesilapan dan kekurangan yang lalu. Kita tidak tinggal di titik yang lama, malah mengubah konsep untuk mengundang cabaran. Proses kreatif bermula semula lebih-lebih lagi di Istana Budaya.**

Ruang dan peluang yand diberikan oleh Istana Budaya amat dihargai. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sudah melihat secara berwawasan terhadap perkembangan teater kanak-kanak tanahair. Usaha ini wajar dipuji dan semoga menyusul teater kanak-kanak yang lain. Maka cerahlah masa depan teater dengan bakat muda.

Usia teater kanak-kanak di Malaysia, sejarahnya masih terlalu hijau, mentah, cetek dan ketinggalan jauh ke belakang berbanding teater dewasa. Kita kekontangan penulis, pengkritik, penggiat dan para sarjana yang mengkhusus di dalam displin ini.

Setidak-tidaknya biarlah **"SITI DI ALAM FANTASI"** sebagai penanda satu titik kebenaran bahawa teater kanak-kanak tidak dilupa malah mahu memberi peringatan tentang sejarah teater kanak-kanak sudah bermula dan lahir secara penuh kesedaran dari semua pihak.

**Staging *"SITI IN A FANTASY WORLD"* for the second time took into consideration the shortcomings of its first staging. The team was never satisfied with what have been delivered but always diversified the concept to overcome the challenge laying ahead. Therefore the creatives and the challenges starts again in Istana Budaya.**

The opportunity and the trust given to me by Istana Budaya is highly appreciated. I dare say that the Ministry of Culture, Arts and Toursim realised and acknowledged the importance of the development of our local children's theatre. This vision should be appreciated by all and I sincerely hope there will be more children's theatre performances in years to come with the hope it will produce many young and energertic talents.

Except for efforts by a few directors, children's theatre is comparatively unexplored by most theatre personnels. There is a lot of room for improvement when compared to adult theatre. Children's theatre need good writers, artists and academicians who are specialist in this discipline. Whatever it is, let **"SITI IN A FANTASY WORLD"** be the benchmark of children's theatre in Istana Budaya, It also serves as a reminder that children's theatre in Malaysia is here to stay and should be developed and promoted by all parties concerned.

*Terima kasih buat semua kerabat kerja yang sepakat.*
***"Selalu berkasih sayang sepanjang hayat biar dikenang".***
*Tarik nafas panjang dan lepaskan perlahan.*

*Selamat mengembara ...*

***Aminah Raphor***



# SINOPSIS

SITI DI ALAM FANTASI

SITI seorang budak perempuan yang cantik tetapi sombong. Bapa SITI, Tuan Malim meraikan harijadi SITI di satu majlis yang meriah, tetapi satu bayang besar dengan secara tiba-tiba mencuri geliga keturunan keluarga SITI. Guruh berdentum-dentum dan kilat sabung-menyabung. Rumah Tuan Malim dan semua tetamu tenggelam ke dalam tanah. Mamat, anak tukang kebun dan Andan, pembantu rumah berjaya menyelamatkan SITI. Gergasi Batu membuka rahsia: kekayaan datang dari tuah geliga, jika tidak dicari geliga yang dicuri, kelak papa kedana hingga tujuh keturunan. Gergasi Batu menelan SITI, Mamat dan Andan dan dari situlah mereka memulakan pengembaraan mencari geliga. Mereka jatuh ke tempat pembuangan sampah di mana lipas-lipas sedang bertemasya. Selepas bertanya arah, Ketua Lipas berpesan; jalan kanan jangan ke kiri. Oleh kerana sikap sombongnya yang tidak mendengar arahan, SITI berdegil untuk masuk ke jalan kiri. Seekor sesumpah sudah menunggu untuk memakan mereka. Mereka dapat lari dan bertemu dengan burung bayan yang patah kepak. Siti tidak menaruh belas kasihan malah lebih suka jika burung bayan mati dimakan binatang. Hati SITI yang jahat dan sikapnya yang sombong menyebabkan SITI berbunyi keldai. Mereka meneruskan pengembaraan sehingga bertemu dengan Si Kelip-Api yang sanggup berkorban memberikan lampu sebagai penyuluh jalan. Kemudian mereka bertemu dengan ulat bulu yang ponteng sekolah, dan dihukum campak ke sarang labah-labah untuk dijadikan hidangan istimewa. SITI diculik Raja Katak yang memaksa SITI berkahwin dengannya, memerangkap Sesumpah yang jahat, bertemu Ketua Tikus yang tamak haloba dan akhirnya bertemu dengan pencuri geliga di dalam terowong bawah tanah, Naga! Maka berlakulah perebutan dan pertarungan sengit yang mencemaskan di antara SITI dan Naga. Berkat pertolongan kawan-kawan yang setia, SITI berjaya mendapatkan semula geliga. Burung bayan yang baik hati terkorban, Ketua Tikus yang tamak dan Naga yang durjana juga mati. SITI berjaya membawa balik geliga. Akhirnya, rumah yang tenggelam, timbul balik seperti sediakala. Pengalaman pengembaraan mengajar SITI berhati mulia, kesetiaan pengikutnya dan pengorbanan binatang lain melunturkan kesombongannya. SITI menyedari bahawa **"selalu berkasih sayang, sepanjang hayat akan dikenang, kaya bukan angkuh meraja, miskin bukan hamba selama".**

# SYNOPSIS

SITI IN A FANTASY WORLD

SITI is a beautiful but arrogant girl. Her father, Tuan Malim, celebrates her birthday with a grand reception. Out of a sudden, an enormous shadow appears and steals the family's precious bezoar. Tremendous thunderstorm followed by furious lightning strikes subsequently immersed Tuan Malim's mansion and all his guests. Mamat, the gardener's son and Andan, the servant manage to rescue SITI. The Giant Brick reveals a secret that the bezoar brings wealth to her family. Unless discovered, the lost bezoar will bring poverty to the family for seven generations. The Giant Brick swallows SITI, Mamat and Andan, who then begin their journey in search of the stolen bezoar. They fall into a scrap yard where cockroaches are having a party! When asked for direction, the Chief Cockroach reminds them to follow the right path - never go to the left. Being ignorant and stubborn, SITI insists on going left, where they encounter a chameleon, waiting to eat them up. The children manage to escape. In the midst of their adventurous journey, they meet a parakeet with broken wings. SITI feels no mercy and would rather see the parakeet being eaten by animals. Her vicious arrogance causes her to sound like a donkey. They continue their journey until they meet the Fire Fly, who then sacrifices his light to illuminate the pathway. They also meet a caterpillar who ran away from school before being thrown into a spider web, to be served as a special meal. The King of Frogs then kidnaps SITI and forces her to marry him. She escapes and manages to trap the wicked chameleon. The children then encounter a greedy Chief Rat and finally come face-to-face with the thief of the bezoar, the Dragon! The battle begins and with the help from her loyal friends, SITI succeeds to regain the bezoar. In the course, the wise parakeet died, and so did the greedy Chief Rat and the vicious Dragon. SITI returns home with the bezoar and her mansion emerges to normal. Her experience from the unforgettable journey teaches her to become wise. Her loyal friends and the sacrifices by other animals mellowed her arrogance. SITI then realises that **"love and compassion cherish eternally, richness not arrogance, humbleness not slavery".**





# pengarah/penulis skrip
# director/scriptwriter

AMINAH RHAPOR

Aminah memulakan langkah pertamanya di bidang seni apabila ditawarkan bekerja di Institut Bimbingan Seni (1986) Kompleks Budaya Negara (kini dikenali sebagai Istana Budaya). Pernah mengikuti Rancangan Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1987 dan kemudiannya meneruskan pengajiannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera (1988-1992), mengkhusus di bidang Seni Lakon, di universiti yang sama.

Aminah juga berbakat besar di arena lakonan teater, malah dengan kemampuannya itu, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang peranan utama dalam teater *Degup Jantungnya* arahan Dr. Samat Salleh, *Samandin* - Prof. Dr. Ghouse Nasarudin, *Sita Dewi* - Janet Pillai, *Uda dan Dara* - Jessica Lim Eng Hwa,

Melalui teater adaptasi dan arahannya, *Tanah Bernanah* dinobatkan sebagai teater terbaik dalam Pekan Teater pada tahun 1992. Teater ini mendapat sambutan dan dipentaskan semula di MATIC dibawah slot Drama Sebabak anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Setelah benar-benar berkeyakinan di bidang pengarahan, Aminah terus mengorak usahanya, iaitu dengan mementaskan *Tun Mamat* dan *Puteri Gunung Ledang* arahan bersama Aziz M. Osman (1996). Selain itu, Aminah turut mencuba nasib di bidang pengarahan filem apabila menjadi penolong pengarah kepada Aziz M. Osman untuk filem *Baginda* terbitan Grand Brilliance.

Aminah started her involvement in the arts when she was offered a job at the Institut Bimbingan Seni (1986), National Cultural Complex (presently known as Istana Budaya). In 1987 she pursued the Creative Arts Programme at Universiti Sains Malaysia and subsequently further her studies at the same university in the Bachelor of Arts, majoring in Performing Arts (1988 - 1992).

With the outstanding talent in theatrical acting, she was given the priviledge to take the lead role in several plays such as *Degup Jantungnya*, directed by Dr Samat Salleh, *Samandin* - Prof. Dr Ghouse Nasarudin, *Sita Dewi* - Janet Pillai, *Uda dan Dara* - Jessica Lim Eng Hwa.

*Tanah Bernanah*, which she adapted and directed, emerged as the champion in Pekan Teater in 1992. Due to the overwhelming response received, the play was restaged at MATIC under the One Act Play slot, organized by the Ministry of Culture, Arts and Tourism. Convinced by her ability in directing, Aminah continued her exploration by staging *Tun Mamat* dan *Puteri Gunung Ledang*, which she co-directed with Aziz M. Osman (1996). Aminah also ventured into film directing as the assistant director to Aziz M. Osman in *Baginda*, produced by Grand Brilliance.





# penolong pengarah
## assistant director

NORZIZI ZULKIFLI



Graduan Diploma Teater, Akademi Seni Kebangsaan ini dilahirkan pada tahun 1976 dan merupakan artis muda yang serba-boleh. Sebagai pelakon berbakat besar, Norzizi terus menimba pengalaman di bidang lakonan dan kerja-kerja di belakang pentas.

Antara produksi yang pernah dilibati ialah *Itik Liar* arahan Ahmad Tarmimi Siregar (1995), Bangsawan *Raja Laksamana Bentan* - Rahman B (1996), *Paduka Oedipus* - Zahim Al-Bakri (1996, *Mak Yong Anak Raja Gondang* - Khatijah Awang (1997), *Tiang Seri Tegak Berlima* - Rohani Yousoff (1997), *Randai Anggun Nan Tungga* - Dahmir Amir (1998), *Pelayaran Nut Atma* (1999) dan *Mencari Juita* (1998) arahan Siti Rohayah Attan dan *Bangsawan Siti Zubaidah* (2000) - Zakaria Ariffin.

Selain berjaya di atas pentas lakonan, Norzizi juga bermampuan di bidang pengarahan teater. Teater *Siti Di Alam Fantasi* merupakan percubaan keduanya penjadi penolong pengarah selepas Bangsawan *Siti Zubaidah.* Kini, beliau menuntut di UiTM Shah Alam.

A graduate in Diploma in Theatre from the National Arts Academy (ASK), Norzizi was born in 1976 and was groomed as a versatile young artist. With her natural talent, Norzizi gained invaluable experience in acting and production work.

Her involvement in theatre includes *Itik Liar,* directed by Ahmad Tarmimi Siregar (1995), Bangsawan *Raja Laksamana Bentan* - Rahman B (1996), *Paduka Oedipus* - Zahim Al-Bakri (1996), *Mak Yong Anak Raja Gondang* - Khatijah Awang (1997), *Tiang Seri Tegak Berlima* - Rohani Yousoff (1997), *Randai Anggun Nan Tungga* - Dahmir Amir (1998), *Pelayaran Nur Atma* (1999), *Mencari Juita* - Siti Rohayah Attan (1998) and *Bangsawan Siti Zubaidah* - Zakaria Ariffin (2000).

Besides acting, Norzizi also excels in theatre directing. *Siti In A Fantasy World* is her second play in which she is assistant director after Bangsawan *Siti Zubaidah.* Presently, she is pursuing her studies in UiTM.



# pengarah muzik
# music director

SUHAIMI MOHD ZAIN (Pak Ngah)



SUHAIMI MOHD ZAIN (Pak Ngah) adalah nama yang sinonim dengan evolusi genre irama muzik Melayu asli tanahair. Dilahirkan di Kuala Lumpur pada 26 September 1958, beliau telah berjinak-jinak di bidang muzik dan seni yang lain sejak di bangku sekolah lagi. Kerjaya seninya semakin menyerlah apabila beliau menjadi pemuzik sepenuh masa di Kompleks Budaya Negara (KBN) pada tahun 1977.

Pak Ngah terus aktif berkarya dalam penciptaan dan penggubahan lagu di samping mengisi jadual hariannya dengan mengikuti banyak kursus dan seminar muzik di dalam dan luar negara. Bertunjangkan pada syarikatnya sendiri yang ditubuhkan setelah meninggalkan perkhidmatan dengan KBN, Pak Ngah melangkah setapak lagi dengan menerbitkan album artis-artis terkenal tanahair seperti Siti Nurhaliza, Sharifah Aini, Jamal Abdillah, Noraniza Idris dan ramai lagi. Lagu Cindai nyanyian Siti Nurhaliza telah menobatkan Pak Ngah sebagai Komposer Terbaik dalam Juara Lagu 1998, manakala album Seri Balas diiktiraf sebagai Album Pop Etnik Terbaik dalam AIM 2000.

Pak Ngah juga aktif dalam pengarahan, penggubahan dan penciptaan lagu bagi pementasan-pementasan teater. Antaranya ialah *Malam Ini Penyu Menangis* arahan Noordin Hassan, *Tikar Mengkuang* arahan Ghani, *Cindai* arahan Noordin Hassan, *Jebat in English* arahan Dato' Rahim Razali, *Tiang Seri Tegak Berlima* arahan Rohani Yousoff, *Rubiah* arahan Ahmad Tarmimi Siregar dan beberapa pementasan teater kanak-kanak.

SUHAIMI MOHD ZAIN, or more popularly known as Pak Ngah, is a name synonymous with the evolution of the traditional Malay music. Born in Kuala Lumpur on September 26, 1958, he began polishing his musical talents since childhood. Pak Ngah shone when he started working as a full time musician with the National Cultural Complex (KBN) in 1977 where he was actively composing and arranging songs and attending arts and music seminars/courses locally and abroad.

He is often given the role of a Music Director for many productions, be it theatre, formal and cultural shows, as he is well known for his caliber in contemporary traditional Malay music arrangements. After resigning from the KBN, he set up Pak Ngah Production, where he excels as an album producer for local talents like Siti Nurhaliza, Sharifah Aini, Jamal Abdillah and Noraniza Idris. His compositions and arrangements are often the main factor for the success of the album sales. Cindai sung by Siti Nurhaliza, for instance, was awarded the platinum album status, where it also emerged as the Best Song in the Irama Malaysia category in Juara Lagu 1998. The album Seri Balas gained recognition as the Best Ethnic Pop Album in AIM 2000. Pak Ngah was also awarded as the Best Composer status in the same ceremony.

Pak Ngah has also been a musical director, composer and arranger for numerous theatre productions such as *Malam Ini Penyu Menangis* directed by Noordin Hassan, *Tikar Mengkuang* directed by Ghani, *Cindai* directed by Noordin Hassan, *Jebat in English* directed by Dato' Rahim Razali, *Tiang Seri Tegak Berlima* directed by Rohani Yousoff, *Rubiah* directed by Ahmad Tarmimi Siregar, and a number of children's theatre.



# pengarah tari dan gerak
## director of dance and movement

SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM



SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM memulakan langkah dan gerak tarinya secara profesional di Kompleks Budaya Negara (KBN). Berkat usaha, kesabaran dan bakatnya, beliau sering menjadi penari utama dalam setiap persembahan kesenian, di dalam mahupun di luar negara. Antaranya, Perasmian CHOGM 1989, Pelancaran Malaysia Fest 1991 dan 1995, Upacara Perasmian dan Penutup Sukan Komanwel 1998, Perarakan Citrawarna Malaysia 1999 dan 2000, dan lain-lain lagi.

Pengalamannya yang hampir dua puluh tahun di bidang tari meletakkan beliau sebagai pengarah dan koreografer tari yang disegani. Anak kelahiran Kedah ini turut menjadi pakar rujuk seni tari dalam pelbagai aspek. Beliau juga mencipta nama sebagai pengarah tari bagi pementasan-pementasan teater separa-muzika seperti pementasan teater arahan Dato' Noordin Hassan, Dato' Rahim Razali, Dato' Syed Alwi dan Rohani Yousoff.

Kini beliau menjadi pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan.

SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM began her professional career as a dancer with the National Cultural Complex (KBN). Her dance skill often makes her the natural choice to lead dance performances. Her involvement in dance includes the Official Opening Ceremony of CHOGM 1989, the Launching of Malaysia Fest 1991 and 1995, the Opening and Closing Ceremonies of the Commonwealth Games 1998, the Citrawarna Malaysia Parade 1999 and 2000, and many others.

Born in Kedah, her service as a dance and artistic consultant is often sought after and she is often asked to choreograph dances in many cultural performances. In theatre, she also directs the dance choreography for semi musicals like those directed by Dato' Noordin Hassan, Dato' Rahim Razali, Dato' Syed Alwi and Rohani Yousoff.

She now lectures part time at the National Arts Academy (ASK).



# Pelakon/Actors



AMY MASTURA — **Siti (Besar)Siti**

Penyanyi wanita terkenal tanah air ini mempunyai bakat besar di bidang nyanyian yang diceburinya secara serius dan profesional setelah dinobatkan sebagai Juara di dalam Asia Bagus 3rd Grand Championship yang diadakan di Jepun pada tahun 1993.Penerbitan album beliau sering mendapat sambutan hangat dari peminat seni suara tanah air - Amy Mastura - Vol. 1"Jawapan Kasih" ; Vol. 2 "Pujaanku" ; " Puteri"; "Bintang Hati". Beliau telah dianugerahkan Double Platinum untuk dua albumnya iaitu Amy Mastura - Vol. 1"Jawapan Kasih" ; Vol. 2 "Pujaanku". Kejayaannya sebagai penyanyi tanah air makin terbukti apabila beliau dianugerahkan dengan Penyanyi Wanita Paling Pupular pada tahun 1995.

Selain berbakat besar di dalam bidang seni suara, Amy Mastura turut menceburi bidang lakonan. Pembabitan awal dalam perfileman adalah menerusi filem KLU dan seterusnya Puteri Impian I, Puteri Impian II dan Tragedi Oktober. Antara pencapaian besar sepanjang pembabitan Amy mastura di dalam bidang seni ialah beliau telah dianugerahkan sebagai Pelakon Wanita Terbaik di dalam Festival Filem Malaysia ke 14 pada tahun 1999 menerusi filem Puteri Impian I dan Puteri Impian II. Beliau telah turut dicalonkan sebagai pelakon Wanita Terbaik melalui filem yang sama di dalam Festival Filem Asia 1999. Beliau turut diundang untuk mempromosikan Thomas Cup Road Tour dan pada tahun 1999 telah dinobatkan pula sebagai pelakon Wanita Paling Popular sempena Anugerah Bintang Popular.

Penglibatan beliau di dalam teater muzika kanak-kanak bistari Siti Di Alam Fantasi merupakan percubaan pertama beliau di dalam dunia teater.

This famous singing sensation, Amy Mastura is a great talent. She decided to be involved seriously and professionally in singing after her triumph in the Asia Bagus 3rd Grand Championship 1993 held in Japan. Her albums sell very well - Amy Mastura - Vol. 1"Jawapan Kasih" ; Vol. 2 "Pujaanku" ; " Puteri' and "Bintang Hati". For her two albums, Amy Mastura - Vol. 1"Jawapan Kasih" ; Vol. 2 "Pujaanku" she was awarded the Double Platinum and in 1995 she was Malaysia's Most Popular Female Singer.

Besides singing, Amy Mastura is also talented in acting and was brave enough to venture into the local film industry. Her acting debut in film was through KLU, followed by Puteri Impian I, Puteri Impian II and Tragedi Oktober. Among her achievements in the local art and entertainment industry is her victory as Malaysia's Best Actress in the 14th Malaysia Film Festival through Puteri Impian I and Puteri Impian II. She was also nominated as Best Actress for Puteri Impian, representing Malaysia in the Asian Film Festival in 1999. She was also invited and involved in promoting the Thomas Cup Malaysia Road Tour and in 1999 she was the Most Popular Actress in Anugerah Bintang Popular 1999.

Siti In A Fantasy World is her theatre acting debut .







# Pelakon/Actors

TENGKU IEZAH DIYANA NORHANIE TENGKU ALAUDIN — **Siti (kecil), katak, kelip-kelip** / **Siti ,frog, firefly**



Gadis cilik yang berusia 8 tahun ini dilahirkan di dalam keluarga seni yang berbakat besar. Kepetahannya bercakap dan bakat semulajadi di bidang seni telah membuka satu peluang yang besar kepadanya untuk terus mengorak langkah. Antara teater yang pernah dilibati oleh Iezah ialah ***Laila Majnun, Rubiah*** dan ***Tun Perak***. Selain itu, Iezah turut membabitkan diri di bidang pengiklanan seperti iklan Proton dan sebagainya.

The petite girl, Iezah is only 8 years old and was born in a family of great talent in the arts. Her eloquence and natural talent become her asset to develop further in the arts. Among her involvement in the theatre includes ***Laila Majnun, Rubiah*** and ***Tun Perak***. Iezah also involves in commercials and has appeared in the Proton commercials.

RUVIYAMIN RUSLAN — **Mamat**



Anak muda berusia 12 tahun yang keletah dan mudah disenangi oleh rakan-rakannya ini mendapat sokongan padu daripada ibu bapa dan rakan-rakannya untuk menceburi bidang seni. Malahan sokongan kuat telah menjadi batu loncatan yang kukuh untuk Ruviyamin untuk terus mengasah bakatnya secara bersungguh-sungguh. Kesungguhan ini dibuktikan sendiri oleh Ruviyamin melalui beberapa lakonannya di dalam pementasan teater. Antaranya, ***Dewi Bunga, Lagenda, Anugerah, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi*** dan ***Tun Perak***. Di samping lakonan teater, Ruviyamin turut mencuba nasib di dunia filem dan drama TV. Malahan suara emasnya turut digunakan untuk filem animasi Tarzan versi Melayu.

The young talent, aged 12, is coquettish and his easy-going character is well received by his friends. His involvement in the arts is motivated by his parents and peers. The strong support is a springboard for him to take arts seriously and this was proven in his involvement in various plays, including ***Dewi Bunga, Lagenda, Anugerah, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi*** and ***Tun Perak.*** Besides theatre acting, Ruviyamin is also involve in films and TV dramas. He also lends his golden voice to the Malay version of the famous animation film, Tarzan.

TENGKU IEFIZULASYRIFIE PUTRA TENGKU ALAUDIN — **Andan**



Berbekal dengan keyakinan yang kuat di dalam dirinya, Iefizulasyrifie terus menyahut cabaran untuk memegang watak Andan sebaik sahaja ditawarkan dengan watak yang mencabar itu. Segala pengalaman penglibatannya di dalam dunia teater turut dijadikan sandaran. Antara produksi teater yang pernah dilibatinya ialah ***Dewi Bunga, Legenda, Bawang Putih Bawang Merah, Siti Di Alam Fantasi, Laila Majnun, Kesecian, Anugerah, Mencari Juita*** dan ***Tun Perak***. Iefizulasyrifie yang berusia 12 tahun, turut mengutip pengalaman di dunia filem apabila ditawarkan untuk menjadi pelakon tambahan di dalam filem ***Eiman Alone*** arahan Dato' Rahim Razali.

With strong determination, Iefizulasyrifie takes the challenge in playing the demanding role as Andan. His seasoned experience in theatre prepares him for this major role. His involvement in theatre includes ***Dewi Bunga, Legenda, Bawang Putih Bawang Merah, Siti Di Alam Fantasi, Laila Majnun, Kesucian, Anugerah, Mencari Juita and Tun Perak.***
Iefizulasyrifie is now 12 and has acted in a film directed by Dato' Rahim Razali, entitled ***Eiman Alone.***



MEGAT MOHD SYAHRAINI BIN SUHAIMI

**Tuan Malim, Lipas Rock, Ulat Bulu, Katak**
**Tuan Malim, Rock Roach, Caterpillar, Frog**



Penglibatan anak muda berusia 13 tahun ini di bidang seni bukanlah satu perkara baru. Darah seni yang diwarisi oleh kedua ibu bapanya merupakan salah satu faktor utama mendorong beliau untuk menceburi bidang teater. Sokongan yang kuat daripada keluarga telah menjadi panduan dan rangsangan kepadanya terus mencuba nasib di bidang seni, terutamanya di bidang lakonan. Antara produksi teater yang pernah dilibatinya ialah ***Kuala Lumpur Kuala Lumpur, Taman Baginda, Laila Majnun*** dan ***Siti Di Alam Fantasi.***

His involvement in the arts is not new for this 13 years old young man. He inherits the talent from both parents, giving him the added factor in motivating his interest in theatre. Strongly supported by the family, it helps in providing guidance in the arts, especially in acting. His encounters in theatre include ***Kuala Lumpur Kuala Lumpur, Taman Baginda, Laila Majnun*** and ***Siti Di Alam Fantasi.***

AHMAD KHALID BIN AHMAD NADZRI

**Ketua Lipas, Ulat Bulu, Katak**
**Chief Cockroach, Caterpillar, Frog**

Ahmad Khalid berbakat besar di bidang lakonan dan tarian. Pernah terlibat dengan beberapa pementasan teater kanak-kanak sebelum ini. Antara pementasan teater yang pernah dilibati oleh pelakon remaja berusia 14 tahun ini ialah ***Siti Di Alam Fantasi (1998)*** dan ***Laila Majnun.*** Ahmad Khalid juga mempunyai bakat di bidang tarian, ini dibuktikan apabila menjadi penari pengiring untuk penyanyi Siti Nurhaliza di Juara Lagu 1998.



Ahmad Khalid, 14, is a big talent in acting and in dance. He has been involved in many children's theatre including ***Siti Di Alam Fantasi (1998)*** and ***Laila Majnun.*** As a talented dancer, Ahmad Khalid was backed up dancer for Siti Nurhaliza in Juara Lagu 1998.

MOHD AZRI SAMSUDIN

**Lipas, Ulat Bulu, Katak**
**Cockroach, Caterpillar, Frog**



Dunia lakonan teater merupakan perkara baru bagi remaja yang berusia 15 tahun ini. Berkat usaha dan sokongan ibu bapa dan kawan-kawannya menyakinkan Mohd Azri untuk terus mencuba nasib di bidang ini.

Theatre acting is new to this 15 year old talent. With strong support from his parents and friends, Mohd Azri is confident to venture further into this new field.



TEUKU UMAR ILANY TEUKU ISKANDAR

**Ketua Lipas, Ulat Bulu, Katak**
**Cockroach, Caterpillar, Frog**



Berdasarkan pengalaman yang lalu, menyakinkan Tengku Umar Ilany (11 tahun) untuk terus menyahut cabaran untuk teater ini. Antara teater yang pernah dilibati ialah ***Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998), Laila Majunun, Rubiah*** dan ***Tun Perak.***

His past experience motivated Tengku Umar Ilany, 11, to grab the challenge in this production. His involvement in theatre includes ***Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998), Laila Majnun, Rubiah*** and ***Tun Perak.***

AZLAN ITHNIN

**Ketua Ulat Bulu, Lipas, Katak**
**Chief Caterpillar, Cockroach, Frog**



Pelakon remaja berusia 16 tahun ini pernah terlibat dengan beberapa produksi teater antaranya ***Lagenda, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda dan Siti Di Alam Fantasi.***

A young 16 year old, Azlan has been involved in various theatre productions, which includes ***Lagenda, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda and Siti Di Alam Fantasi.***

MOHD RAZALI ISMAIL

**Ulat Bulu, Tikus**
**Caterpillar, Rat**



Anak kelahiran Selangor Darul Ehsan berusia 16 tahun mempunyai pengalaman berteater antaranya ***Randai, Lagenda Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Laila Majnun, Pertemuan Arus, Siti Di Alam Fantasi, Malam Haram dan Raden Galoh***. Beliau juga aktif dalam rancangan televisyen kanak-kanak ***Taman Kancil.***

Born in Selangor Darul Ehsan, Mohd Razali, 16, has been involved in many theatre productions including ***Randai, Lagenda Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Laila Majnun, Pertemuan Arus, Siti Di Alam Fantasi, Malam Haram and Raden Galoh***. He is also actively involved in a TV programme for children, ***Taman Kancil.***

ALIA NADIRA AHMAD ZUBIR

**Penari, Ulat Bulu, Dancer, Caterpillar**



Gadis berusia 15 tahun ini pernah terbabit dalam teater ***Lagenda P. Ramlee, Bawang Putih Bawang merah, Taman Baginda dan Siti Di Alam Fantasi***. Di samping itu beliau pernah terlibat di dalam teater terbitan Istana Budaya iaitu ***Tun Perak*** dan Muzika Tari ***Antara Selat ke Benua.***

A young 15 year old Alis has been involved in theatre productions i.e. ***Lagenda P. Ramlee, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda and Siti Di Alam Fantasi.*** She has also been involved in theatre produced by Istana Budaya including ***Tun Perak*** and Dance Musical ***Antara Selat ke Benua.***

RAIHA SHAHANAZ REDZUAN — **Ulat Bulu, Tikus** / **Caterpillar, Rat**



Raiha Shahanaz telah terlibat di dalam pementasan teater ***Lagenda***, ***Taman Baginda***, ***Siti Di Alam Fantasi*** (1998), ***Laila Majnun*** dan Muzika Tari ***Antara Selat ke Benua.***

Raiha Shahanaz's involvement in theatre includes ***Lagenda, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi*** (1998), ***Laila Majnun*** and Dance Musical ***Antara Selat ke Benua.***

TENGKU IEDILDZUHRIE PUTRA TENGKU ALAUDIN — **Raja Katak/ King of Frogs**



Remaja berusia 16 tahun yang kini sedang menuntut di Sekolah Menengah Rendah Sains MARA, Langkawi mempunyai pengalaman sejak di usia muda di dalam bidang seni teater, iklan komersial, drama TV dan filem. Antara pementasan teater yang pernah dilibati beliau ialah ***Laila Majnun, Rubiah, Siti Di Alam Fantasi*** (1998), ***Dewi Bunga, Lagenda, Taman Baginda, Hulu Melaka, I Remember The Rest house, MAHA*** dan ***Pertemuan Arus***. Filem yang pernah dilibati Iedildzuhrie ialah ***Eiman Alone, Kelab Kanak-kanak Angkasapuri*** dan ***Kampung Boy***, drama animasi yang popular ketika kini. Beliau turut terlibat dalam iklan di TV. Iedildzuhrie pernah mewakili Malaysia di dalam ***Festival Kanak-kanak Sedunia*** di China pada tahun 1994.

A young man of 16 years old, Iedil is presently studying at MARA Junior College of Science in Langkawi. Since childhood, Iedildzuhrie has been involved in many theatre productions, commercials, TV dramas and films. In theatre, his involvement include ***Laila Majnun, Rubiah, Siti Di Alam Fantasi*** (1998), ***Dewi Bunga, Lagenda, Taman Baginda, Hulu Melaka, I Remember The Rest House, MAHA*** and ***Pertemuan Arus.*** His involvement in films include ***Eiman Alone, Kelab Kanak-kanak Angkasapuri*** and ***Kampung Boy***, the famous animation drama. Iedildzuhrie has also been involved in TV commercials and in 1994, he represented Malaysia in the ***World Children's Festival*** in China.

ILI NABILAH TAJUL RAZI — **Permaisuri Katak, Penari/Queen of Frogs, Dancer**



Ili yang berusia 14 tahun tidak mempunyai pengalaman di dalam bidang teater di tanahair. Namun beliau bergiat aktif membuat persembahan teater di sekolah-sekolah di Nottingham, United Kingdom ketika menetap di sana selama 3 tahun. Gadis hitam manis ini mendapat bimbingan dalam bidang teater semasa mengikuti Kursus Teater di Helen O'Grady, Nottingham. ***Siti Di Alam Fantasi (2000)*** merupakan pementasan teater pertama Ili Nabilah di Malaysia.

Ili, 14, has no theatre experience in Malaysia. Nevertheless, she was actively involved in many theatre performances in schools during her 3 year stay in Nottingham, United Kingdom. This sweet young girl learnt about theatre from theatre courses at Helen O'Grady School of Drama, Nottingham. ***Siti Di Alam Fantasi (2000)*** is her debut appearance in the Malaysian theatre scene.







NORZAZLEEN ZULKAFLI **Lipas, KetuaTikus/Cockroach, Chief Rat**



Anak gadis berusia 14 tahun kepada pasangan pelakon terkenal tanahair, Zulkifli Zain dan Normala Omar ini membuktikan peribahasa ' ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi'. Norzazleen bergiat aktif dalam drama TV antaranya ***Noktah Terakhir*** dan ***Cerdik Cyber I dan II.*** Turut terlibat di dalam pementasan teater ***Anak Nazar Tujuh Keramat.*** Bakat dan kebolehannya mengacara rancangan kanak-kanak terserlah melalui rancangan ***YES!!!***

This young girl, 14, inherits her parents talents, the famous husband and wife team Zulkifli Zain and Normala Omar. Norzazleen is involve actively in TV dramas including ***Noktah Terakhir*** and ***Cerdik Cyber I and II.*** She also involved in theatre ***Anak Nazar Tujuh Keramat.*** Her talent and ability in hosting childrenís programmes is significant in a programme called YES!!!

CUT MUTIA TEUKU ISKANDAR **Bayan, Penari/Parakeet, Dancer**



Cut Mutia gadis berambut panjang hingga ke pinggul berusia 14 tahun telah membabitkan diri dalam bidang teater sejak menganggotai Kumpulan Artis Muda Panggung Negara/Istana Budaya. Antara teater yang pernah dilibati beliau ialah ***Lagenda P. Ramlee, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998), Mencari Juita, Laila Majnun, Rubiah*** dan ***Tun Perak.***

Known for her long hair, Cut Mutia, a 14 year old girl, has been involved in theatre since joining the Young Artist Troupe of the National Theatre / Istana Budaya. Her theatre involvement includes ***Lagenda P. Ramlee, Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998), Mencari Juita, laila Majnun, Rubiah*** and ***Tun Perak.***

FATIN ERNA SIREGAR AHMAD TAMIMI **Labah-labah/Spider**



Fatin Erna telah lama menganggotai Kumpulan Artis Muda Panggung Negara/Istana Budaya dan kini gadis manis berusia 18 tahun yang kini sedang menuntut di UiTM merupakan seorang lagi anak kelahiran dari keluarga seni. Bakat dan kebolehan Fatin Erna memberi peluang kepadanya untuk terlibat dalam teater ***Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998) dan Tun Perak.*** Beliau juga aktif di UiTM dengan melibatkan diri dalam ***Puisi Skrip Visual "Tiba-tiba' dan Puisi Nusantara - Skrip Visual "Melayu"*** di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fatin Erna, 18, has been involved in the Young Artist Troupe of the National Theatre / Istana Budaya for a long time and she is presently pursuing her studies at UiTM. She derives from an arts family. Her talent was seen in several theatre performances including ***Bawang Putih Bawang Merah, Taman baginda, Siti Di Alam Fantasi (1998)*** and ***Tun Perak.*** She also involves actively in arts activities in UiTM, which ***include Visual Script Poetry "Tiba-tiba" and Nusantara Poetry - Visual Script "Melayu"*** at Dewan Bahasa dan Pustaka.

## TJUT INTAN TEUKU ISKANDAR

**Kelip-kelip, Lipas, Katak/Fire Fly, Cockroach, Frog**



Tjut Intan, anak gadis berusia 10 tahun bertambah ayu dengan rambut panjangnya hingga ke pinggang. Beliau terlibat dalam teater sejak menganggotai Kumpulan Artis Muda Panggung Negara/Istana Budaya. Teater kanak-kanak yang dilibati beliau ialah ***Bawang Putih Bawang Merah, Siti Di Alam Fantasi (1998), Rubiah*** dan ***Tun Perak.***

Tjut Intan, a young girl of 10, has been involved in theatre since joining the Young Artist Troupe of the National Theatre / Istana Budaya. Her involvement in children's theatre includes ***Bawang Putih Bwang Merah, Siti Di Alam Fantasi (1998), Rubiah*** and ***Tun Perak.***



## ALIA HAIRANIS AHMAD ZUBIR

**Lebah/Bee**

Alia Hairanis berusia 12 tahun aktif dalam bidang teater, drama tari dan drama TV. Antara pementasan teater yang diceburi beliau ialah ***Bawang Putih Bawang Merah***, ***Rubiah*** dan ***Tun Perak.*** Turut menjayakan muzika tari ***Antara Selat ke Benua*** dan drama tari ***Kesucian.*** Turut berlakon dalam drama di saluran ntv7 - ***Mak Mertuaku*** dan drama TV3 - ***Sebening Shawal.*** Pada tahun 1998, bakat beliau sebagai pengacara sekali lagi diuji apabila beliau diundang untuk menjadi Pengacara sempena ***Hari kanak-kanak Sedunia.***

Alia Hairanis, 12, has been actively involved in theatre, dance dramas and TV dramas. In theatre, she was involved in ***Bawang Putih Bawang Merah, Rubiah*** and ***Tun Perak.*** She was also involved in the dance musical ***Antara Selat ke Benua*** and dance drama ***Kesucian.*** She often appears on TV in NTV7's drama , ***Mak Mertuaku*** and TV3's ***Sebening Shawal.*** In 1998, her talent in emceeing was recognized when she became the host for the ***World Children's Day.***

## NUR AMEERA ALIAS

**Lebah/Bee**



Anak kelahiran Kuala Lumpur, berusia 12 tahun, pernah melibatkan diri dalam persembahan ***APEC, Pesta Flora 1999 dan Sambutan hari Kebangsaan ke 42*** di Stadium Putra, Bukit Jalil. Beliau juga terlibat dengan produksi Panggung Negara, ***When Rivers Meet.***

Born in Kuala Lumpur 12 years ago, Nur Ameera has been involved in arts performances, e.g. ***APEC, Flora Fest 1999 and the 42nd National Day Celebration*** at Stadium Putra, Bukit Jalil. She was also involved in the National Theatre's production, ***When Rivers Meet.***



MOHD ALIFF HAIQAL FAUZI **Lipas, Ulat Bulu, Katak**
**Cockroach, Caterpillar, Frog**



Aliff Haiqal berusia 11 tahun, belum pernah berteater namun peranan yang julung-julung kali didokongi beliau di dalam teater ***Siti Di Alam Fantasi (2000)*** merupakan platfom kepadanya untuk menampilkan bakat seni yang diwarisi dari kedua ibu bapanya.

Aliff Haiqal is 11 years old and has never been involved in any theatre performances. His debut appearance in ***Siti Di Alam Fantasi (2000)*** is indeed a platform for him to exhibit his creative talent inherited from his parents.



NURUL HAFIZAH ABDUL RAHMAN **Lebah/Bee**

Nurul Hafizah anggota Kumpulan Artis Muda Istana Budaya dan berusia 13 tahun. Bergiat aktif di dalam persembahan tarian sekitar Kuala Lumpur dan antara teater yang pernah dilibati beliau ialah teater ***Cermin Sapura.***

Nurul Hafizah, 13, is a member of the Young Artist Troupe of the National Theatre / Istana Budaya. She is an active dancer in Kuala Lumpur and has been involved in theatre performances including ***Cermin Sapura.***

NATALIA SHARIHAN MOHD PAUZI **Lebah**



Berusia 13 tahun, gadis comel ini pernah terlibat di dalam pementasan teater bangsawan ***Cermin Sapura***. Natalia juga adalah seorang anggota Kumpulan Artis Muda PanggunngNegara/Istana Budaya.

This 13 year old girl has been involved in theatre productions before, including ***Cermin Sapura***. Natalia is a member of The Young Artist Troupe of the National Theatre/Istana Budaya.

Katak/**Frog**



Lipas/**Cockroach**



Lebah/**Bees**





Penari/**Dancers**

Tikus/**Rat**



Kelip-kelip/**Firefly**





Ulat Bulu/**Caterpillar**





**ZEHRA ZAMRI**
Pelayan; Kelip-kelip
Waiter; Firefly



**AFIRA SHASWANI AZIZAN**
Lipas; Ulat Bulu; Katak
Cockroach; Caterpillar; Frog



**NURUL NADIAH JAMALUDDIN**
Lipas; Kelip-kelip; Katak
Cockroach; Firefly; Frog



**RAIFANA SHAZNI REDZUAN**
Lipas; Ulat Bulu; Katak
Cockroach; Caterpillar; Frog



**ILYA INSYIRA MOHD ISA**
Lipas; Katak; Kelip-kelip
Cockroach; Frog; Firefly



**AMIRUL HAZIZI ABDUL WAHAB**
Lipas; Ulat Bulu; Katak
Cockroach; Caterpillar; Frog



**MOHD NOOR ZABAIQ ZULKAFLI**
Lipas; Ulat Bulu; Katak
Cockroach; Caterpillar; Frog



**SITI NORATHIRA AZLI**
Penari; Ulat Bulu
Dancer; Caterpillar



**SHANUR AIN AHMAD SHAH**
Penari; Ulat Bulu
Dancer; Caterpillar



**FATIN ADIBAH MOHD PAUZI**
Semut
Ant



**ARBAIAH AHMAD NADZRI**
Lipas; Tikus
Cockroach; Rat



**SITI SYAFRINA SUHAIMI**
Penari; Ulat Bulu
Dancer; Caterpillar



**NURUL QUSYAIRYYAH JAMALUDDIN**
Lipas; Kelip-kelip; Katak
Cockroach; Firefly; Frog



**MOHD AZHAR SAMSUDDIN**
Lipas; Ulat Bulu; Katak
Cockroach; Caterpillar; Frog



**MUHAMMAD AMIRUL ZUKHNI ABDUL WAHAB**
Lipas; Katak; Kelip-kelip
Cockroach; Frog; Firefly



**NUR HIDAYAH ISMAIL**
Lipas; Tikus
Cockroach; Rat



**FILZA ATIRA MOHAMED JUHARI**
Kelip-kelip
Firefly



**LAILY NORHAFEZAH MOHD YATIM**
Penari; Ulat Bulu
Dancer; Caterpillar



**RIFHAN SHAHIRAH BT REDZUAN**
Penari; Ulat Bulu
Dancer; Caterpillar



# lipas/Cockroach

Lipas, satu kumpulan serangga yang popular, dikenali dengan bentuknya yang bujur, berbau busuk dan dianggap sebagai serangga perosak. Sebanyak lebih kurang 4, 000 spesis dikenalpasti di seluruh dunia, di mana kebanyakannya terdapat di kawasan tropikal berhawa panas. Lipas telah wujud lebih dari 400 juta tahun. Kitaran hayatnya bermula apabila lipas betina yang matang menghasilkan bekas telur. Lipas betina mampu membawa bekas telur itu untuk beberapa ketika dan menaburkannya di mana-mana jua seperti di dalam saku, beg bimbit dan laci. Tabiat ini boleh membiak serangga tersebut dengan pesatnya, kerana setiap bekas telur mengandungi beratus-ratus biji telur. Telur yang telah menetas akan mengeluarkan anak-anak lipas yang dipanggil nymph. Nymph dapat dikenali kerana ia tidak mempunyai sayap yang jelas terdapat pada lipas dewasa. Nymph yang matang hampir sebesar lipas tetapi memerlukan satu peringkat lagi sebelum mencapai kedewasaan.

**Fakta mengenai lipas**

- Rangka lipas berada di sebelah luar badan.
- Lipas mempunyai darah putih.
- Lipas menggunakan sesungut rasa sebagi hidung.
- Lipas terbesar di dunia berukuran 6 inci panjang dengan ukuran sayap sepanjang 1 kaki dan membiak di Amerika Selatan.
- Lipas mempunyai 6 kaki berbulu. Bulu-bulu halus pada kakinya mempunyai deria sentuh.
- Lipas mempunyai 18 sendi lutut.
- Kebanyakan lipas boleh terbang dan mempunyai sepasang sayap lutcahaya yang cantik.
- Sesetengah lipas betina mengawan sekali sahaja dan akan mengandung sepanjang hayat-nya.
- Lipas boleh hidup tanpa makanan selama sebulan tetapi dapat bertahan selama seminggu sahaja tanpa air.
- Pada kaki lipas terdapat satu set pencangkuk halus, khusus digunakan untuk memanjat dinding.
- Lipas jantan lebih ringan dari lipas betina dan boleh terbang lebih laju berbanding yang betina.
- Lipas betina menghasilkan sejenis bau, dipanggil 'pheromone' untuk memikat lipas jantan dan menjadikan mereka lebih ghairah.
- Lipas menghabiskan 75 peratus dari masanya untuk berehat.

Cockroach, common name for an order of insects, the most popular of which are characterized by their oval shape, foul odour, and their status as household pests. About 4, 000 species are known worldwide; most inhabit the warm tropical regions of the globe. Cockroaches have been present on the earth for more than 400 million years. The lifecycle begins when a mature female cockroach produces an egg case. Females can carry an egg case with them for quite some time, dropping the case wherever it may fall i.e. in pockets, briefcases and drawers. This habit can lead to the rapid dissemination of these insects, because each egg case may contain hundreds of eggs, which hatch into small versions of the adults, called nymphs. Nymphs can be recognized by the absence of wings, so conspicuously apparent in the adults. Mature cockroach nymphs are almost as large as the adults, but require another molt to reach adulthood.

**Roach Facts**

